

D061

B B773 DEB  
GHAFAR - UMNO

KOTA BAHARU, 12 FEB (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA HARI INI MENYATAKAN SOKONGANNYA KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO AKAN DATANG.

KATANYA, DR. MAHATHIR SEBAGAI +KAPTEN NO.1+ DALAM PARTI DAN MENTERI BESAR-MENTERI BESAR SEBAGAI +KAPTEN NO.2+ DI PERINGKAT NEGERI TELAH BERJAYA BEKERJASAMA DENGAN BAIK DAN MENGUKUHKAN KEDUDUKAN UMNO DENGAN MENCATATKAN KEMENANGAN YANG BESAR BAGI PARTI DALAM PILIHAN RAYA UMUM LEPAS.

+SAYA BERHARAP KERJASAMA YANG BAIK DAN KAPTEN-KAPTEN YANG ADA HARI INI AKAN KEKAL UNTUK MEMIMPIN UMNO,+ KATANYA DI PERJUMPAAN DENGAN PARA ANGGOTA UMNO BAHAGIAN PENGKALAN CHEPA DI KAMPUNG TAPANG DEKAT SINI.

+SAYA AKAN TERUSKAN KHIDMAT DAN USAHA MENGIKUT DR MAHATHIR DARIPADA BELAKANG KERANA SAYA DAPATI BELIAU SEORANG PEMIMPIN YANG LIBERAL DAN SUKA MENDENGAR CAKAP ORANG BAWAH,+ KATANYA.

+ KEPUTUSAN YANG DIBUAT DALAM JEMAAH MENTERI, DALAM BARISAN NASIONAL, DALAM MAJLIS TERTINGGI UMNO SEMUANYA ADALAH HASIL PERUNDINGAN DAN BUKAN KEPUTUSAN BELIAU SEORANG,+ -- LAGI

2152MST 12 02 87

B B774 DEB  
GHAFAR - UMNO 2 KOTA BAHARU

ENCIK GHAFAR MENJELASKAN KEPIMPINAN DR. MAHATHIR BUKANLAH +KUKU BESI+ KERANA SETIAP KEPUTUSAN YANG DIBUAT ADALAH HASIL MUSYAWARAH DAN PANDANGAN RAMAI YANG DICAPAI SEBULAT SUARA.

+JADI KERANA SEGALA KEPUTUSAN (DALAM JEMAAH MENTERI, BN DAN MT UMNO) ADALAH KEPUTUSAN YANG DIPERSETUJUI RAMAI, SAYA SEDIA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB BERSAMA-SAMA DI ATAS SEGALA HASIL YANG DICAPAI SAMADA BURUK ATAU BAIK.+ TEGASNYA.

BELIAU YANG MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI +ORANG SURUHAN+ DAN HANYA BEKERJA MENGIKUT ARAHAN, BERKATA BELIAU JUGA MUNGKIN BERTANDING PADA PERSIDANGAN AGUNG UMNO AKAN DATANG TETAPI BELUM TAHU JAWATAN YANG AKAN DITANDINGI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS ITU, BELIAU BERKATA DR. MAHATHIR IALAH KETUANYA DAN DIA MENYUKAINYA KERANA ITULAH DIA DAPAT BERKHIDMAT UNTUK NEGARA BERSAMA-SAMA PERDANA MENTERI.

DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENERIMA PENCALONAN UMNO BAHAGIAN RANTAU PANJANG BAGI BERTANDING MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN PARTI, BELIAU BERKATA BELIAU TIDAK PERLU TERGESA-GESA MEMBERIKAN JAWAPAN. -- LAGI

2156MST 12 02 87

0001

F B776 DEB  
GHAFAR - UMNO 3 KOTA BAHARU

ENCIK GHAFAR BERKATA SAMA ADA BELIAU BERTANDING ATAU TIDAK, MENENTANG DATUK MUSA HITAM YANG TELAH PUN MENYATAKAN AKAN BERTANDING BAGI MEMPERTAHKAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO, HANYA AKAN DIKETAHUI BILA TIBA MASANYA.

MENYENTUH MENGENAI KEANGGOTAAN UMNO, BELIAU BERKATA IA DIJANGKA MENINGKAT DARIPADA 1.5 JUTA ORANG SEKARANG MENJADI 2 JUTA DALAM TEMPOH TIGA TAHUN AKAN DATANG TERMASUKLAH DENGAN PENYERTAAN KIRA-KIRA 200,000 BUMIPUTERA DI SABAH.

KATANYA, BELIAU BERHARAP PENINGKATAN ITU AKAN MENGUKUHKAN LAGI KEDUDUKAN UMNO SEBAGAI PARTI TUNGGAK PEMERINTAHAN BUKAN SAJA DARIPADA SEGI KUANTITI TETAPI JUGA DARIPADA SEGI KUALITI. -- BERNAMA  
2204MST 12 02 87